



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

No. Pendaftaran : (4981)

No. 12A , Jalan TTDI Groves 1/2, Taman TTDI Grove, 43000 Kajang , Selangor

No. Te l: 03 8733 2705 / 2597 No. Faks : 03 8733 0427 Email : admin@koopbpm.com.my

No Fail: KoBPM/PEM (3) 2019 (2)

Tarikh: 26 December 2019

Semua Anggota

Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad

ATURAN PEMBIAYAAN PENGGUNA

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

Dimaklumkan bahawa pihak KoBPM telah membuat pindaan untuk Aturan Pembiayaan Pengguna di mana ianya telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 23 pada 26 Oktober 2019. Maka dengan ini Aturan Pembiayaan Pengguna yang sebelum ini dimansuhkan.

Aturan Pembiayaan Pengguna dengan pindaan ini digunapakai dan berkuatkuasa serta-merta. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Unit Pembiayaan untuk maklumat selanjutnya.

Perhatian dan kerjasama semua Anggota KoBPM dialu-alukan.

Sekian, Terima Kasih.

"SEPAKAT MENINGKAT KESEJAHTERAAN BERSAMA"

Yang Benar,

Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad


(ZULKIFLI MAHMOOD)
Pengurus Besar KoBPM



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN PEMBIAYAAN PENGGUNA

1.0 TAJUK

- 1.1 Aturan ini dinamakan Aturan Pembiayaan Pengguna bagi menjalankan aktiviti Pembiayaan Pengguna KoBPM secara Al-Bai' Bithaman Ajil.
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(a)(i), (b), 50(2)(iv) dan 50(v) KoBPM.
- 1.3 Aturan ini meliputi semua aktiviti permohonan Pembiayaan Pengguna bermula daripada penerimaan borang pembiayaan sehingga pembiayaan di jelaskan sepenuhnya.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Di dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai.
- 2.2 'BBA' adalah singkatan untuk Al-Bai' Bithaman Ajil maknanya sebuah skim pembiayaan pengguna yang disediakan kepada Anggota KoBPM bagi memenuhi sesuatu keperluan kepada Anggota.
- 2.3 'Anggota' maknanya Anggota-anggota yang telah sah diterima masuk menjadi Anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini dan tidak pernah mungkir daripada mencarum kepada bayaran bulanan yurannya kecuali Anggota Seumur Hidup.
- 2.4 'KoBPM' maknanya Koperasi Bank Pertanian Malaysia Berhad.
- 2.5 'ALK' maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini.
- 2.6 'Anggota Seumur Hidup' adalah anggota KoBPM yang telah diluluskan oleh ALK untuk menjadi anggota ini dengan mengekalkan baki minima yuran sebanyak

RM3,000.00 dan Syer Wajib KoBPM sebanyak RM2,000.00 serta mematuhi terma dan syarat-syarat khas sebagai Anggota Seumur Hidup.

- 2.7 'Kelayakan penjamin' adalah Anggota yang masih layak menjamin setelah mengambil kira tanggungannya.
- 2.8 'Arahan bayaran' adalah kaedah yang digunakan untuk mengkreditkan pembiayaan ke dalam akaun penerima biaya sama ada menggunakan sistem, borang pemindahan, Arahan Patriot atau lain-lain kaedah yang sesuai.
- 2.9 'Pembekal' adalah syarikat yang membekal barangan atau perkhidmatan kepada Anggota.

3.0 TUJUAN DAN PUNCA KEWANGAN

Tujuan Aturan Pembiayaan Pengguna ini diwujudkan adalah untuk:

- 3.1 Mengurus segala aktiviti yang berkaitan dengan Pembiayaan Pengguna mengikut lunas Islam berdasarkan prinsip BBA.
- 3.2 Membantu Anggota yang layak membuat pembiayaan untuk membeli barangan pengguna.
- 3.3 Meningkatkan aktiviti kredit KoBPM dengan memberi Pembiayaan Pengguna kepada Anggota yang layak.
- 3.4 Punca Kewangan bagi menjalankan aktiviti ini adalah dari modal yuran Anggota dan punca-punca lain yang diharuskan oleh syarak dan tertakluk kepada kelulusan ALK.

4.0 KONSEP


Mod pembiayaan aset dan Pembiayaan Pengguna di bawah prinsip BBA adalah seperti berikut :-

- 4.1 Ahli mengenal pasti aset/khidmat yang hendak dimiliki dan kemudian melakukan permohonan kepada KoBPM untuk pembiayaan aset tersebut.
- 4.2 KoBPM kemudiannya akan menentukan kelayakan ahli berkenaan mengenai hubungannya dengan tempoh dan corak pembayaran balik.
- 4.3 KoBPM akan membeli aset/perkhidmatan berkenaan sejurus selepas kelulusan permohonan pembiayaan di perolehi.

4.4 KoBPM seterusnya menjual aset/perkhidmatan tersebut kepada ahli berkenaan pada harga yang dipersetujui dan merangkumi perkara-perkara berikut :-

- i. Kos sebenar aset/perkhidmatan kepada koperasi.
- ii. Margin keuntungan Koperasi dan membenarkan pelanggan menyelesaikan pembiayaan secara ansuran dalam tempoh dan corak yang dipersetujui.

4.5 Rujuk rajah di bawah bagi mod operasi Pembiayaan Pengguna



5.0 KELAYAKAN

Terbuka kepada anggota yang telah memenuhi syarat iaitu genap 6 bulan menjadi Anggota dan mempunyai baki gaji seperti berikut :

- 5.1 Menjadi Anggota tidak kurang dari 6 bulan bagi Anggota baru, manakala 12 bulan bagi Anggota yang berhenti tetapi diterima menjadi Anggota semula.
- 5.2 Telah menyempurnakan bayaran modal syer RM2,000 dan modal yuran RM1,000.
- 5.3 Kelayakan adalah tidak melebihi dari 55% DSR berdasarkan kerangka yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).
- 5.4 Kelayakan permohonan Anggota adalah tertakluk kepada perubahan masa ke semasa dengan kelulusan ALK.

6.0 HAD PEMBIAYAAN

- 6.1 Anggota Kakitangan Agrobank & KoBPM bertaraf tetap had maksimum pembiayaan adalah RM20,000.00 manakala bertaraf kontrak sebanyak RM10,000.00.
- 6.2 Bagi Anggota telah bersara dari Agrobank atau KoBPM had maksimum pembiayaan ialah 80% dari jumlah yuran terkumpul dan tidak melebihi RM20,000.00.
- 6.3 Had pembiayaan bergantung kepada perubahan dari masa ke semasa tertakluk kepada kelulusan ALK.

7.0 TEMPOH PEMBIAYAAN

Taraf Anggota	Maximum tempoh pembiayaan
Kakitangan tetap	7tahun
Kakitangan kontrak	5tahun
Bukan kakitangan(pesara)	5tahun

Tempoh pembiayaan bergantung kepada perubahan dari masa ke semasa tertakluk kepada kelulusan ALK.

8.0 KADAR KEUNTUNGAN

- 8.1 Kadar keuntungan adalah sebanyak 5.75% setahun.
- 8.2 Kadar keuntungan Pembiayaan Pengguna adalah tertakluk kepada perubahan masa ke semasa dengan kelulusan ALK.

9.0 BAYARAN PERKHIDMATAN

- 9.1 Bayaran perkhidmatan untuk setiap permohonan adalah RM20.00.
- 9.2 Penyelesaian awal setiap pembiayaan akan dikenakan bayaran sebanyak RM10.00.
- 9.3 Pembiayaan bertindih akan dikenakan caj sebanyak RM20.00.
- 9.4 Semakan kredit dilakukan untuk setiap pembiayaan bagi memastikan jaminan ke atas penerima biaya dan juga penjamin dikenakan caj sebanyak RM10.00.

- 9.5 Bayaran perkhidmatan seperti 9.1, 9.2, 9.3, 9.4 dan lain-lain bayaran yang dikenakan kepada Anggota yang memohon pembiayaan adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dengan kelulusan ALK.

10.0 KUASA MELULUS

Tidak kurang daripada 3 (tiga) ALK dari Jawatankuasa Pembiayaan Anggota (JPA) diberi kuasa untuk melulus atau menolak permohonan pembiayaan.

11.0 JAMINAN

Jaminan kepada pembiayaan ini dikuatkuasakan kepada Anggota yang tidak layak untuk menggunakan baki yuran sebagai cagaran kepada pembiayaan ini.

- 11.1 Tiap-tiap pembiayaan hendaklah dijamin oleh sekurang-kurangnya 2 (dua) orang Anggota yang layak.
- 11.2 Dua orang penjamin yang masih bekerja selama tempoh jaminan bagi Anggota yang tidak lagi bekerja dengan Agrobank/KoBPM.
- 11.3 Menjadi kewajipan bagi pemohon untuk menggantikan penjamin yang tidak layak lagi untuk menyempurnakan syarat-syarat jaminannya dalam tempoh 30 hari.
- 11.4 Penjamin adalah bertanggungjawab menyelesaikan segala pembiayaan yang dijaminnya jikalau penerima biaya gagal memenuhi syarat-syarat pembiayaan.
- 11.5 Takaful/Perlindungan Kredit dijadikan jaminan kepada pembiayaan di mana akan ditetapkan oleh ALK.

12.0 POTONGAN PENJAMIN

Bagi Anggota yang gagal membayar balik pembiayaan selepas diambil tindakan sewajarnya sehingga dikeluarkan notis pemotongan gaji penjamin, maka baki pembiayaan tertunggak hendaklah dibuat melalui 3 opsyen kaedah potongan berdasarkan kes-kes yang berbeza tertakluk kepada keputusan dan kelulusan Jawatankuasa Pembiayaan Anggota (JPA) sepertimana berikut:-

- 12.1 Opsyen 1 - Potongan pendapatan/yuran/saham seorang penjamin / seorang penerima biaya sahaja. Kadar tanggungan biaya adalah 100%.
- 12.2 Opsyen 2 - Potongan pendapatan/yuran/saham 2 orang penjamin tanpa

penerima biaya. Kadar tanggungan biaya adalah 50%:50%.

- 12.3 Opsyen 3 - Potongan pendapatan/yuran/saham 2 orang penjamin dan seorang penerima biaya (pewaris jika penerima biaya telah meninggal dunia/hilang). Kadar tanggungan biaya adalah 33% dari baki tunggakan.

Perincian kepada ketiga-tiga opsyen tersebut adalah seperti berikut:-

Senario	Opsyen
Penerima biaya hilang/tidak dapat dikesan/bankrap	2
Penerima biaya masih hidup dan dapat dikesan serta mampu bayar balik	3
Penerima biaya enggan bayar/tidak mampu membuat pembayaran balik	2
Penerima biaya yang telah meninggal dunia tetap masih ada baki tunggakan	2 atau 3
Salah seorang penjamin meninggal dunia/bersara/tidak dapat dikesan/bankrap/tidak mampu bayar	1 atau 2

13.0 PELAKSANAAN

Aturan ini telah diterima dan dipersetujui di dalam MAT KoBPM kali ke 23 pada 26 Oktober 2019 dan dilaksanakan serta merta.



SETIAUSAHA KoBPM


CARTA ALIR PEMBIAYAAN PENGGUNA

TANGGUNGJAWAB

ALIRAN PROSES

PENGANTARA

TEMPOH



CARTA ALIR PEMBIAYAAN PENGGUNA

